



مجلس دائيره سابوق برنم

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

45300 SUNGAI BESAR SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03 3224 1655/ 1000 Fax: 03 3224 2766/ 5339

E-mail: www.mdsb.gov.my

MDSB

SYARAT PELESENAN ESTABLISYMEN MAKANAN

1. Pelesen adalah **tertakluk** kepada **Akta Kerajaan Tempatan 1976; Undang-undang Kecil Pelesenan Establisyment Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007, Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007** dan lain-lain arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Majlis Daerah Sabak Bernam dari semasa ke semasa;
2. Tempoh **sah lesen** ialah selama **dua belas bulan (satu tahun)** berkuatkuasa dari tarikh pembayaran fi lesen. Lesen ini boleh **diperbaharui** dalam tempoh **2 bulan sebelum tamat** tempoh;
3. **Lesen** ini **tidak boleh dipindah milik** kecuali jika mendapat kelulusan bertulis dari pihak berkuasa melesen Majlis Daerah Sabak Bernam selepas melalui proses yang telah ditetapkan;
4. **Lesen** ini hendaklah **dipamerkan** pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam premis perniagaan seperti alamat yang tertera di dalam lesen dan hendaklah dikemukakan kepada pegawai yang diberi kuasa apabila diminta;
5. Pelesen hendaklah **menyediakan tong sampah** yang mencukupi dan sentiasa menjaga kebersihan premis perniagaan. Semua sisa buangan dan sampah-sarap hendaklah di masukkan ke dalam beg atau karung plastik serta diikat kemas sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah;
6. Pelesen **tidak dibenarkan melepaskan sebarang efluen** atau **kumbahan** kecuali di tempat pelepasan mengikut cara yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Daerah Sabak Bernam atau mana-mana pihak berkuasa yang lain;
7. Pelesen tetap hendaklah **memasang perangkap minyak** (grease trap) dan membuat penyelenggaraan secara berjadual ke atas perangkap minyak tersebut.
8. Pelesen **dilarang melakukan kacau ganggu** kepada orang ramai dan persekitaran dalam bentuk **asap, bau, haba, pancaran, bunyi** dan sebagainya;
9. Pelesen **tidak dibenarkan menghalang** atau **mengganggu** kelancaran arus **lalulintas** kenderaan dan pergerakan bebas **pejalan-pejalan kaki**;
10. Pelesen hendaklah menyediakan **kelengkapan memadam kebakaran** dan **kotak perubatan** kecemasan yang mencukupi;
11. Pelesen hendaklah menyediakan **bekalan air yang tetap** dan mencukupi di dalam premis perniagaannya;
12. **Makanan dan minuman** hendaklah disimpan dalam apa-apa jenis bekas agar sentiasa berada **dalam keadaan bersih** serta bebas daripada sebarang jenis serangga dan binatang perosak;
13. Pelesen hendaklah menyediakan suasana yang selamat dan sihat serta memastikan **pencahayaan mencukupi** untuk semua ruang di dalam di **dalam premis** perniagaannya;
14. Premis akan dinilai, digredkan serta diberikan Kad Kategori Premis Makanan sebagai gred A, B atau C berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan pada bila-bila masa; dan
15. **Pelanggaran syarat atau perintah** boleh menyebabkan pelesen dikenakan tindakan di bawah seksyen 65 Undang-undang Kecil Pelesenan Establisyment Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007 iaitu **denda tidak melebihi RM2,000.00** atau **penjara tidak melebihi 1 tahun** atau **kedua-duanya sekali** dan jika kesalahan ini masih dilakukan lagi setelah pensabitan, pelesen boleh dikenakan **denda tidak melebihi RM200.00** bagi **setiap hari** kesalahan itu berterusan dilakukan jika disabit kesalahan.